



■ PERDANA Menteri beramah mesra dengan kanak-kanak Jepun di majlis itu.

## PM di majlis makan malam

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah malam tadi menghadiri majlis jamuan makan malam amal di sebuah hotel di sini.

Majlis makan malam itu diadakan sempena pesta muzik kanak-kanak Jepun bagi membantu unit cardiothorax Hospital Besar Kuala Lumpur.

Hasil kutipan \$20,000 dari majlis makan malam amal itu diserahkan kepada Datin Seri Dr Siti Hasmah yang juga Presiden Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) oleh Pengarah Urusan Syarikat Conference Management Services Sdn Bhd, Puan Azizah Dahlan.

Seramai 83 orang kanak-kanak Jepun terdiri dari pemuzik dan koir telah menunjukkan persembahan mereka.

Turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Abdul Samad. Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 5868 ..... / .....  
No. Penerimaan ..... 185 / 86 .....